

03 AUG 1998

Pemuda-Singapura

PEMUDA UMNO MAHU KERAJAAN GANTUNG URUSAN DUA HALA YANG BARU

KOTA TINGGI, 3 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini mencadangkan agar kerajaan menggantung urusan dua hala yang baru antara Malaysia dan Singapura, sehingga Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyatakan pendirian rasmi kerajaannya berhubung isu-isu yang timbul.

Ketua pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pendirian Singapura itu hendaklah berdasarkan persetujuan dan persefahaman awal antara Goh dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selama ini, Pemuda Umno berpendapat kenyataan Menteri Luar dan Menteri Dalam Negeri Singapura tidak mencerminkan pendirian ikhlas Singapura dan Pemuda Umno mahu Goh menjelaskan pendirian rasmi kerajaan Singapura, katanya dengan membacakan kenyataan rasmi pergerakan itu pada persidangan berita.

Ahmad Zahid sebelum itu menghadiri pelancaran Projek Tunas Bestari oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak di Bandar Tenggara, dekat sini.

Mengenai isu bekalan air, beliau berkata Pemuda Umno mahu Malaysia hanya membekalkan air yang telah diproses ke Singapura dan bukan membekalkan air mentah seperti sekarang, setelah tamatnya perjanjian bekalan air ke Singapura pada tahun 2011 dan 2061 kelak.

Katanya, Pemuda Umno mahu agar dalam perundingan mengenai perkara itu nanti, kerajaan menetapkan satu jangka waktu membekal dan harga yang realistik dan munasabah berbanding sekarang supaya perjanjian itu nanti tidak terlalu mengikat generasi akan datang.

Ahmad Zahid berkata Pemuda Umno melihat perlunya faktor itu diambil kira dengan serius lebih-lebih lagi dalam keadaan negara pada hari ini yang mengalami kekurangan bekalan air untuk menampung keperluan rakyat Malaysia.

Beliau berkata Pemuda Umno ingin menegaskan kepada rakyat Singapura bahawa Malaysia yang mengangkat prinsip nilai, adab dan semangat kejiwaan akan sentiasa memelihara nilai persahabatan antara kedua-dua negara.

"Pemuda Umno Malaysia berpendirian bahawa isu bekalan air mentah ke Singapura tidak pernah sama-sekali digunakan sebagai hasrat untuk menekan Singapura. Malah, sejak dahulu lagi kita membekalkan air mentah bukan untuk mengaut keuntungan tetapi kita menyedari bahawa air merupakan satu keperluan asas. Sebagai jiran, kita memahami had dan batasan antara jiran kepada jirannya yang satu lagi.

"Kita harus melihat isu yang ada pada hari ini demi untuk kebahagiaan, kesejahteraan dan keharmonian generasi akan datang. Apa jua tindakan yang diambil hari ini akan memberi kesan kepada generasi muda kedua-dua buah negara pada masa depan," katanya.

Pada persidangan berita yang turut dihadiri Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Umno Johor Hasni Mohammad itu, Ahmad Zahid berkata pergerakan itu mendesak agar kerajaan terus bertegas dalam mempertahankan pendiriannya mengenai isu-isu yang berkaitan hubungan dua hala dengan Singapura terutama yang menyentuh maruah dan martabat negara.

Katanya, Pemuda Umno akan sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi kepada Perdana Menteri dalam melaksanakan tanggungjawab beliau menerajui negara mengharungi dan mengatasi perkara itu.

Pemuda Umno turut menyeru agar isu-isu itu dapat diatasi dengan bijaksana, ikhlas dan bertanggungjawab selaras dengan semangat persetujuan yang dicapai antara kedua-dua pemimpin pada pertemuan mereka awal tahun ini

yang memperlihatkan keikhlasan Malaysia untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit, kata beliau.

Enam perkara yang dipersetujui untuk diselesaikan ialah kerjasama ekonomi dan kewangan, bekalan air ke Singapura, tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura, isu Pulau Batu Putih, kerjasama pelancongan dan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura.

Pemuda Umno berpendapat bahawa isu-isu seperti perpindahan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) dari Tanjong Pagar ke Woodlands, bekalan air mentah, liputan akhbar Singapura mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), pelabuhan Pasir Gudang, tabung simpanan wang pekerja Malaysia di Singapura, tanah Keretapi Tanah Melayu, Pulau Batu Putih, penawaran kadar faedah yang tinggi di Singapura perlu diselesaikan secara terperinci.

"Kita perlu mengasingkan antara satu isu dengan isu yang satu lagi. Penyelesaian melalui saluran rasmi antara kerajaan dengan kerajaan adalah jalan keluar yang terbaik buat masa ini," kata Ahmad Zahid.

Bagaimanapun, beliau berkata Pemuda Umno mendesak agar kerajaan terus mengambil pendirian yang tegas dalam apa jua rundingan dengan Singapura demi mempertahankan hak Malaysia.

"Walaupun Malaysia-Singapura merupakan dua buah negara yang berasingan, hakikatnya kita telah menjalinkan hubungan yang unik sejak sekian lama. Hubungan unik ini wujud kerana faktor sejarah, geografi dan faktor budaya yang sama," katanya.

Menurutnya, selama ini pun Malaysia sentiasa memberikan layanan istimewa terhadap Singapura dan Malaysia juga sering memberikan pertimbangan yang luar biasa apabila sesuatu isu timbul.

Ahmad Zahid berkata Pemuda Umno juga melahirkan rasa kurang senang terhadap sikap, tindakan dan usaha yang berterusan oleh Singapura yang cuba menghidupkan zaman silam.

Beliau berkata pameran "The National Education Exhibition - The Singapore Story" dilihat sebagai helah Singapura untuk mengungkit aspek-aspek negatif hubungan sejarah Malaysia-Singapura mengikut tafsiran mereka sendiri dan semata-mata untuk memenuhi serta memuaskan kepentingan mereka tanpa mengambil kira perasaan Malaysia.

Ahmad Zahid berkata Pemuda Umno menghormati kedaulatan Singapura tetapi memberi amaran bahawa pertimbangan itu ada had dan batasannya.

"Pemuda Umno tidak teragak-agak untuk bertindak kerana tidak perlu lagi untuk kita di Malaysia menganggap bahawa hubungan unik Malaysia-Singapura ini diteruskan jika pihak Singapura tidak pernah melihat kita sebagai jiran unik mereka. Layanan istimewa terhadap Singapura hanya sia-sia jika balasannya menyakitkan jiwa," katanya.

Hubungan serantau bukanlah percaturan menang-kalah yang boleh dimanfaatkan untuk kestabilan politik sesebuah negara sahaja, kata beliau.

"Kita secara ikhlas telah membina saluran komunikasi dengan pemimpin muda negara-negara Asia Timur.

"Dengan pemikiran yang terbuka dan tahap kematangan yang tinggi serta tidak lagi memikul beban sejarah oleh generasi sebelumnya, kita yakin bahawa hasrat untuk membina dan melahirkan kesatuan serantau akan tercapai," katanya.

Ahmad Zahid berkata kalau bukan Singapura, Pemuda Umno tetap akan meneruskan harapan itu terutamanya kepada Brunei, Filipina, Indonesia, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

Menurutnya, Pemuda Umno yakin bahawa Malaysia akan terus memberikan perhatian kepada keutamaan lain dengan menumpukan kepada wawasan negara menjelang tahun 2020 dan bukannya menoleh ke belakang dan melihat tahun 1965.

"Di bawah kepimpinan Dr Mahathir, rakyat Malaysia dari pelbagai

kelompok kaum dan kedudukan akan mempersiapkan diri dan memberi tumpuan yang lebih kepada masa depan tanpa mengabaikan aspek tradisi, budaya mahupun peristiwa silam dalam sejarah bangsa kita.

"Pemuda Umno ingin mengingatkan bahawa barang siapa yang memperlekeh dan memperkecilkan kita sekarang, perlu ingat iaitu ekonomi Malaysia akan pulih kembali satu hari nanti dan pada ketika itu, kita akan mengingati siapakah musuh dan siapakah kawan di masa kita mengalami kesusahan," kata beliau.

Menurut Ahmad Zahid, usaha mengapi-apikan perasaan anti-Malaysia dan memutar-belitkan isu-isu untuk kepentingan sehalu dalam keadaan seluruh rantau ini mengalami kegawatan ekonomi, merupakan satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan amat tidak bijaksana.

Katanya, Singapura perlu sedar bahawa mereka bukanlah "sebuah pulau yang teguh di tengah-tengah lautan yang rapuh" kerana mereka sebenarnya merupakan sebahagian daripada "kerapuhan" itu.

Tindakan mana-mana pihak yang sengaja memecah-belahkan hubungan yang sedia ada akan hanya memburukkan lagi keadaan serta tidak menguntungkan sesiapa termasuk Singapura sendiri, kata beliau.

-- BERNAMA

MKO NMO